

KENYATAAN MEDIA

FORUM MAULIDUR RASUL 1433H

Bersempena dengan bulan Rabiulawal Majlis Bandaraya Petaling Jaya bersama Badan Islam MBPJ telah mengadakan Forum Maulidur Rasul 1433H yang bertajuk “Cintamu Tidak Berbalas.”

Dua ahli panel khas Ustaz Syed Nurhisyam Tuan Padang, penceramah bebas dan Dr. Azahar Yaakub, Pensyarah Kanan, Universiti Teknologi Malaysia telah diundang untuk mengupas segala topik yang diperbincangkan. Forum ini telah dipengerusikan oleh Ustaz Rizuan Rahmat Ad'dimasyqi, Pengetua Sek. Men. Tahfiz Sri Pintar, Shah Alam.

Majlis ini dihadiri oleh Datuk Bandar Petaling Jaya, Dato' Hj. Moham Roslan Bin Sakiman, Tuan Hj. Ahmat Mohaayen Hj. Said, Yang Dipertua Badan Islam MBPJ merangkap Timbalan Setiausaha MBPJ, En. Halimey Abu Bakar, Ahli Majlis dan juga kakitangan MBPJ.

Tujuan Forum Maulidul Rasul ini diadakan adalah untuk menyemai dan membentuk jati diri dan sikap yang perlu ada dan diamalkan oleh setiap penjawat awam supaya mendapat keberkatan dan keredhaan dari yang maha Esa.

Antara intipati Forum Maulidur Rasul kali ini ialah amalan sunah yang diwariskan kepada umat Islam dan untuk mengamalkannya umat Islam itu perlu menuntut ilmu supaya dapat memahami berkenaan amalan-amalan yang diamalkan oleh Nabi Muhammad S.A.W..

Kebanyakan gejala sosial dan keruntuhan rumah tangga pada hari ini berpunca daripada umat Islam yang semakin jauh dengan sunah Nabi dan ajaran agama Islam. Ini adalah antara ulasan yang diberikan oleh Dr. Azahar Yaakub apabila diminta mengulas berkenaan kaitan cintakan Nabi dalam kehidupan masyarakat hari ini.

Ustaz Syed Nurhisyam Tuan Padang ada menenkan sebagai tanda umat islam menyintai Nabi Muhammad S.A.W, seseorang itu perlulah selalu mengucapkan selawat dan salam ke atas baginda dalam kehidupan sehari-hari bukannya hanya dalam situasi tertentu seperti semasa khutbah Jumaat bagi lelaki dan bagi wanita apabila menuapkan anak ubat ketika sakit.

Dalam aspek sebagai penjawat awam, sikap amanah perlu diamalkan untuk mengelakkan rasuah dan untuk mendapatkan keberkatan kerana rezeki dari sumber yang tidak baik akan menjadikan akhlak anak-anak yang secara langsung akan member kesan kepada keadaan sosial dalam masyarakat.

Sebagai penjawat awam juga perlu disemaikan dalam hati bahwasanya setiap kerja yang dilaksanakan tidak lain untuk mendapatkan keberkatan Allah.

Di sediakan oleh:

**Sekretariat Media
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web : www.mbpj.gov.my , facebook: Petaling Jaya City Council,
twitter : pjcitycouncil, emel : media@mbpj.gov.my

Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :

Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my
Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884,
ahmadiskandar@mbpj.gov.my